

## **Pendekatan Dakwah Bil Hal Hotel Patuh Syariah: Satu Kajian Di Hotel Adya Langkawi**

Borhannudin bin Ya

### **Abstrak**

*Kajian ini memberi fokus kepada pendekatan dakwah bil hal yang ditonjolkan oleh pihak pengurusan dan kakitangan-kakitangan di Hotel Adya Langkawi. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana pengumpulan data adalah melalui kaedah temubual dengan pihak pengurusan atasan dan bawahan serta pelanggan menjadi sampel kajian. Data yang diperolehi di dalam kajian ini kemudiannya dianalisis menggunakan program perisian Nvivo 12. Hasil kajian menunjukkan pendekatan dakwah bil hal yang diaplikasikan oleh Hotel Adya Langkawi merangkumi tiga (3) pendekatan iaitu pendekatan melalui akhlak, perkhidmatan dan juga prasarana. Hasil daripada dapatan ini satu model pendekatan dakwah yang diterapkan oleh Hotel Adya, Langkawi telah dibina bagi memberi input kepada mana-mana hotel sebagai garis panduan kepada hotel lain dalam merealisasikan hotel-hotel lain kepada patuh syariah serta menjadi pemangkin kepada pemilik-pemilik hotel yang lain untuk menyampaikan mesej Islam di dalam bidang perhotelan.*

**Kata Kunci:** *Dakwah Bil Hal, Hotel Patuh Syariah, Hotel Adya, Langkawi*

### **Pengenalalan**

Bidang dakwah telah mula menunjukkan perkembangan yang positif. Ianya dijana dari setiap lapisan samada individu, masyarakat dan organisasi kerajaan ataupun bukan kerajaan. Setiap peranan mengetengahkan *manhaj* dan *wasilah* masing-masing. Sebagai contoh penggunaan dakwah *bil lisan* dengan menyampaikan mesej dakwah melalui media penyiaran. Pelbagai input dakwah bercirikan dakwah *bil lisan* khususnya media penyiaran telah disampaikan kepada segenap lapisan masyarakat, tetapi realiti yang berlaku adalah peningkatan masalah sosial dan statistiknya menunjukkan peningkatan dari masa ke semasa. Justeru, penambahbaikan usaha-usaha dominasi dakwah *bil lisan* ini perlu diteruskan, disamping mengetengahkan metode dakwah lain iaitu dakwah *bil hal* agar gerakan dakwah menjadi seimbang dan dapat membuahkan hasil yang maksima.

Dalam konteks dakwah semasa, model dakwah yang sesuai yang ingin dikembangkan dalam pembangunan adalah dakwah *bil hal* yang memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu akhlak, khidmat dan prasarana. Ketiga-tiganya mempunyai pengaruh yang besar dalam dakwah terdahulu sebagai contoh ketika Rasulullah s.a.w telah tiba di Madinah, pertamanya baginda telah mendirikan Masjid Quba (prasarana) dan memberi khidmat mempersaudarakan kaum Ansar dan Muhajirin. Dari situlah bermulanya baginda telah menunjukkan akhlak yang mulia kepada masyarakat di Madinah. Suri tauladan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w menjadi tunjang utama kejayaan dakwah baginda dan ini menjadi contoh kepada pendakwah agar menjadikan dakwah *bil hal* sebagai kaedah utama dalam berdakwah.

Maka dengan itu dakwah *bil hal* lebih menekankan pada aspek pembangunan dalam kehidupan masyarakat serta meningkatkan taraf hidup yang lebih baik sesuai dengan tuntutan Islam. Bentuk-bentuk dakwah *bil hal* dari segi pembangunan dan peningkatan taraf hidup ialah seperti perkembangan pendidikan, kegiatan koperasi, pembangunan aktiviti transmigrasi, khidmat kesihatan, peningkatan pemakanan komuniti, penyelenggaraan rumah anak yatim, peluang pekerjaan dan peningkatan teknologi maklumat serta pelancongan. (Akhmad Sagir 2015).

Pihak industri pelancongan di Malaysia giat menawarkan perkhidmatan hotel mesra pelanggan Muslim sesuai dengan status Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan ahli anggota pertubuhan OIC. Dengan penduduk yang majoritinya Islam, maka kemudahan-kemudahan asas yang mesra kepada masyarakat Islam lebih mudah didapati. Ada di antara hotel-hotel di Malaysia yang secara terbuka mengisytihar penarafan hotel mereka sebagai hotel patuh syariah atau hotel Islamik.

Bidang perhotelan patuh syariah merupakan satu pendekatan baru dalam industri pelancongan bagi menyampaikan mesej Islam sama ada kepada Muslim atau bukan Muslim. Pendekatan dakwah yang dilakukan oleh hotel patuh syariah boleh disimpulkan sebagai pendekatan dakwah *bil hal* iaitu dakwah dengan cara praktikaliti seperti pembangunan melalui modal insan dan juga fizikal.

Teknik penyampaian dakwah Islam yang dilakukan oleh Hotel Mesra Muslim telah memberi satu peluang kepada pengkaji untuk mengenalpasti pendekatan dakwah yang dilakukan. Ditambah pula kajian-kajian yang lepas, yang mana banyak kajian berkaitan pengurusan hotel sama ada pengurusan makanan, pengurusan fasiliti serta pengurusan sumber manusia. Namun kajian yang melibatkan penyelidikan berkaitan dakwah hotel patuh syariah kurang dilakukan.

Justeru itu, teknik penyampaian dakwah Islam yang dilakukan oleh Hotel Mesra Muslim telah memberi satu peluang kepada pengkaji untuk mengenalpasti pendekatan dakwah *bil hal* yang dilakukan oleh Hotel Adya Langkawi yang merupakan Hotel Patuh Syariah kategori Platinum yang diberi pengiktirafan oleh Islamic Tourism Center (ITC) Kementerian Pelancongan Malaysia. Walau bagaimanapun hotel bertaraf empat bintang itu tidak menggunakan nama Islam serta hotel patuh syariah tetapi mengamalkan ciri-ciri sebuah hotel patuh syariah. Di samping itu Hotel Adya Langkawi juga telah menerima pengiktirafan pematuhan syariah daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2014 dan menerapkan nilai patuh syariah sejak mula beroperasi pada Januari 2015. (Bernama, 2015). Sehingga kini jumlah tetamu yang menginap di Hotel Adya Langkawi direkod seramai 133,802 orang dan apa yang menarik, walaupun baru beroperasi hotel ini sudah memenangi Anugerah Hotel Empat Bintang Terbaik di Langkawi, Islamic Standard Quality Award 2016 dan perkhidmatan terbaik daripada pengendali talian tempahan 2016. (Hamzah Osman, 2016) Hotel ini yang dikendalikan 162 kakitangan dengan 99 peratus adalah beragama Islam sentiasa mempertahankan dan mengaplikasikan konsep patuh syariah dalam perkhidmatannya. Selain itu, hotel ini juga pernah menerima Anugerah Standard Kualiti Islam (IQS) daripada Universal Crescent Standard Center (UCSC) pada tahun 2016. (Hamzah Osman, 2016). Hotel ini menjadi hotel pertama di negara ini mewujudkan jawatan rasmi Pegawai Agama Khas bagi memastikan ia sentiasa mematuhi piawaian syariah.

Rentetan daripada hal ini, artikel ini akan membincangkan pendekatan-pendekatan dakwah *bil hal* yang dipraktikkan oleh Hotel Adya Langkawi kepada pekerja dan pelanggannya. Hasil daripada ini boleh dijadikan sebagai sumber pengetahuan masyarakat khususnya Muslim dan bukan Muslim serta kepada pihak berkepentingan dalam memberi satu garis panduan yang lebih mendalam ciri-ciri hotel patuh syariah. Seperti mana menurut Zakiah dan Noorsalwati (2012), apa yang menjadi permasalahannya pada hari ini tidak ada garis panduan lagi yang diperuntukkan oleh JAKIM dalam menentukan garis panduan Hotel Patuh syariah secara keseluruhan yang meliputi keseluruhan premis semasa memohon persijilan halal. Hingga kini hanya mempunyai satu garis panduan halal dan sijil pada makanan dan minuman tetapi tidak meliputi seluruh premis dan pengurusan.

### **Dakwah Bil Hal**

Dakwah *bi al-hal* merupakan gabungan daripada dua perkataan iaitu dakwah dan al-hal. Kata dakwah membawa maksud menyeru mengajak atau memanggil. Sedangkan kata *al-hal* itu membawa erti keadaan. Menurut Sifulazry Mokhtar, (2014) dakwah bil hal adalah aktiviti dakwah yang dilakukan melalui perbuatan nyata dengan berbagai macam bentuk kegiatan. Kesan positifnya dapat segera dirasakan, atau paling tidak hasil yang akan dicapai sudah tergambar dengan jelas. Ini kerana menurut (Noor Hafizah Haridi et al, 2016) dakwah *bi al-hal* itu bermaksud memanggil, menyeru dengan menggunakan keadaan, atau menyeru, mengajak dengan perbuatan nyata serta dakwah bil hal adalah amalan yang boleh mengangkat darjat dan kesejahteraan kelompok masyarakat (Faisal Ismail, 2013).

Abdullah Muhammad Zin (1996) pendekatan dakwah *bil hal* amat berkait rapat dengan akhlak dan teladan yang di pamerkan oleh pendakwah. Pandangan ini selari dengan Anwar Masy'ari (1993) yang menyatakan dakwah *bil-hal* dengan istilah dakwah bil-Qudwah yang bererti dakwah secara praktis dengan menampilkan akhlak yang karimah.

Maka dengan itu dakwah *bi al-hal* lebih menekankan pada aspek pembangunan dalam kehidupan masyarakat serta meningkatkan taraf hidup yang lebih baik sesuai dengan tuntutan Islam. Bentuk-bentuk dakwah *bi al-hal* dari segi pembangunan dan peningkatan taraf hidup ialah seperti perkembangan pendidikan, kegiatan koperasi, pembangunan aktiviti transmigrasi, khidmat kesihatan, peningkatan pemakanan komuniti, penyelenggaraan rumah anak yatim, peluang pekerjaan dan peningkatan teknologi maklumat. (Akhmad Sagir 2015).

### **Hotel Patuh Syariah**

Sektor perhotelan merupakan suatu komponen penting dalam medium pendekatan dakwah masa kini yang perlu diketengahkan oleh pemain industri perhotelan. Secara asasnya industri perhotelan menyediakan kemudahan penginapan dan perkhidmatan makanan dan minuman kepada pelancong sama ada dari dalam atau luar negara.

Menurut Nazifah (2011) syariah boleh diertikan sebagai hukum-hukum yang diperintahkan Allah ke atas hamba-hambanya supaya beriman dan beramal dengannya yang boleh membawa kepada kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Manakala Hotel patuh syariah pula menurut Siti Fatma

dan Rosmawati (2016) dikenali sebagai hotel yang menyediakan perkhidmatan selaras dengan prinsip-prinsip syariah. Kebanyakan hotel patuh syariah yang beroperasi di negara Timur Tengah mempunyai pelbagai versi dari segi amalan pengurusan dan perniagaan. Hotel yang tidak menyediakan minuman keras juga layak di kategorikan sebagai hotel patuh syariah walaupun tidak mematuhi peraturan-peraturan lain yang digariskan oleh syarak. Ada juga yang berpendapat untuk melayakkan sesebuah hotel dikategorikan sebagai hotel patuh syariah perlu ada peraturan yang ketat dari segi pergaulan bebas di hotel. Di samping itu, hotel ini juga menyediakan restoran khusus tetamu perempuan sahaja dan begitu juga perkhidmatan-perkhidmatan lain yang menyediakan staf perempuan untuk melayan tetamu perempuan sahaja. Oleh kerana tiada piawaian yang ditetapkan oleh pihak industri ke atas hotel patuh syariah ini maka terdapat sedikit kecelaruan dari segi operasi dan pengurusan hotel tersebut.

### **Ulasan Karya - Pendekatan Dakwah Bil Hal Di Hotel Patuh Syariah**

Pelancongan Islam bermaksud segala aktiviti yang dilakukan mestilah tidak bertentangan dengan syariat Islam. Dalam erti kata lain, aktiviti yang dilakukan mestilah dibenarkan oleh syariat Islam. Dewasa ini, permintaan kepada perkhidmatan atau produk pelancongan yang bersifat mesra bagi pengguna Muslim semakin meningkat, Antaranya ialah perkhidmatan Hotel Patuh Syariah. (Rahman, 2011). Pada hari ini, hotel berkonsepkan Islam menjadi satu keperluan khususnya bagi menampung kedatangan pelancong Muslim yang semakin bertambah terutamanya pelancong dari asia barat (Yusof, 2011). Menurut Datuk Mohd Ilyas Zainol Abidin, Pengarah Urusan Perniagaan dan Pengurusan Resort Hotel Biztel serta bertanggungjawab mengendalikan Hotel De Palma, industri Hotel Patuh Syariah ini mampu menarik pelancong yang beragama Islam untuk datang ke negara kita. Beliau yakin industri Hotel Patuh Syariah ini bakal berkembang pesat di dalam dan luar negara. (Utusan, 2014).

Adi Weidenfeld dan Amos S. Ron menyatakan elemen agama adalah penting dalam bidang pelancongan kerana pelancong dengan pegangan agama yang kuat boleh memberi dorongan kepada pelancong lain. Justeru itu, mereka menginginkan tempat dan persekitaran yang berpandukan agama (Weidenfeld, 2008). Sebagai seorang muslim, kita dituntut untuk mempraktikkan segala suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Skop pengurusan Hotel Patuh Syariah tidak hanya terhad kepada perkhidmatan makanan dan minuman halal tetapi melibatkan operasi di seluruh hotel yang juga mesti diuruskan berdasarkan prinsip syariah. (Baharudin, 2015).

Pihak pengurusan hotel juga haruslah bertanggungjawab untuk memelihara kesucian agama dengan cara memastikan sistem pentadbiran yang mematuhi kepada kehendak syariat Islam seperti tiada alkohol, makanan yang halal sahaja yang dihidangkan, Al-Quran dan sejadah disediakan di setiap bilik, tandas tidak mengadap kiblat, doa-doa dalam bilik, hiburan yang sesuai, kebanyakan staf adalah muslim, pakaian staf yang menepati syariat Islam, memisahkan segala kemudahan antara lelaki dan wanita, menyediakan aras semua perempuan, kod etika pakaian pelanggan, dan pembiayaan menurut Islam (Noor Rashidah, 2015). Maka pihak hotel hendaklah mengetahui bahawa halal tidak hanya tertumpu di kawasan dapur semata-mata atau dalam penyediaan makanan dan minuman namun menerusi reka bentuk, perkhidmatan, produk, juga punca kewangan syarikat hendaklah mengikut sistem halal yang patuh Syariah ini. Harta dan infrastruktur hotel

turut perlu mendapat kelulusan dalam sistem Syariah ini. Masyarakat memahami bahawa kewujudan sistem Halal ini hanyalah untuk menfokuskan kepada umat Islam semata-mata walhal konsep Halal dan targetnya adalah umum, tidak mengira apa jua latarbelakang. Sistem ini pastinya diterima oleh pelbagai pelancong dari pelbagai jenis warna kulit, fahaman, bangsa dan sebagainya. (Nursyahida Jaafar & Mohamad Ghazali Hassan, 2016).

Antara ciri-ciri hotel patuh syariah yang telah dikemukakan oleh Henderson ialah tiada penggunaan alkohol sama ada sebagai bahan minuman ataupun bahan penambah rasa dalam masakan. (Henderson, 2010).

Menurut Zakiah (2012), beberapa penulis Islam menerangkan ciri-ciri asas Hotel Patuh Syariah. Antaranya seperti makanan yang halal dan tidak ada alkohol untuk disediakan dalam premis atau hotel, mempunyai Kitab al-Quran, sejadah dan anak panah yang menunjukkan arah kiblat, kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadapi kiblat, terdapat doa di dalam bilik dan hotel, pengasingan bilik mandi dan lantai bagi pasangan yang belum berkahwin di antara wanita dan lelaki, pelanggan yang berpakaian menutup aurat, tidak ada perjudian dan minuman alkohol di lobi hotel atau restoran dan tidak ada makanan dan minuman yang diharamkan.

Pengurusan Hotel Patuh Syariah hendaklah mematuhi prinsip dan kaedah kewangan Islam. Sesungguhnya Allah SWT melaknat orang yang memakan riba, orang yang memberi riba, dua orang saksinya dan juga jurutulisnya (Hussin,2015). Menurut Dr. Yusuf Qardhawi: “Jika kita ikuti laporan belanjawan, bank-bank tersebut sebenarnya berniaga dengan hutang, pinjaman dan juga insurans. Bank tidak melakukan kerja-kerja asas seperti membuat pembelian, penjualan, pertanian, perkilangan, atau pembinaan. Inilah fungsi bank yang asasi dan inilah matlamatnya. Bank ialah pemakan riba yang paling besar, yang mengambil tempat pemakan-pemakan riba zaman silam. Bank ialah agen riba yang utama yang memakan dan yang diberi makan” (Al-Qardhawi, 1997). Dalam menguruskan kewangan Hotel PatuhSyariah ini, pihak pengurusan haruslah memastikan sumber yang digunakan adalah menepati syariah. Ia haruslah bebas daripada elemen penipuan, riba, penindasan, gharar, judi dan sebagainya.

Pelaksanaan dakwah bil hal dengan menggunakan prasarana sebagai medium dakwah adalah amat perlu bagi menjamin institusi dakwah agar terus berkembang dengan pesat. Penafsiran dakwah bil hal melalui prasarana agak sukar ditemui jika skop definisi prasarana hanya menumpukan kepada bangunan atau benda tidak alih. Menurut Kamus Dewan (2004), prasarana ditafsirkan sebagai keseluruhan kemudahan dan perkhidmatan asas seperti kemudahan pengangkutan dan perhubungan, bekalan kuasa elektrik, dan sebagainya yang perlu bagi pembangunan pertumbuhan dan kemajuan infrastruktur. Oleh itu penulis membahagikan prasarana kepada dua konteks yang luas iaitu bangunan dan bukan bangunan. Menurut Ibnu Kathir (2014) menyatakan tidak sama orang yang mendirikan bangunannya atas dasar taqwa kepada Allah s.w.t dengan orang yang mendirikan masjid atas dasar kekafiran dan dengan tujuan memecahbelahkan masyarakat dan membawa kemudharatan serta tempat persembunyian orang-orang yang memerangi Allah s.w.t dan rasulNya.

Binaan yang membawa kepada ketaqwaan seperti masjid merupakan prasarana yang dibangunkan oleh Rasulullah s.a.w bagi memimpin dan melaksanakan strategi dakwah bil hal. Dengan

pembinaan prasarana ini maka lahirlah darinya pembinaan akhlak Islamiyyah, mengembeling tenaga memberi khidmat keperluan masyarakat dan seterusnya pembinaan prasarana yang lain bagi membolehkan strategi dakwah dilakukan dengan sistematik dan berkesan menuju kepada daulah Islamiyyah yang utuh sehingga sekarang.

Skop pengurusan Hotel Patuh Syariah tidak hanya terhad kepada perkhidmatan makanan dan minuman halal tetapi melibatkan operasi di seluruh hotel yang juga mesti diuruskan berdasarkan prinsip syariah (Baharudin, 2015). Ruang ibadah khas perlu disediakan oleh pihak pengurusan hotel yang mana ia dilengkapi dengan tikar, sejadah, telekung, ketayap, tasbih dan sebagainya. Hal ini bertujuan untuk memudahkan para pelanggan menunaikan ibadah. Di samping itu, tanda arah kiblat mestilah diletakkan pada setiap bilik beserta senaskah Al-Quran. Hal ini membolehkan pelancong tersebut untuk melaksanakan tuntutannya sebagai seorang yang beragama Islam.

Selain itu, pihak pengurusan hendaklah memastikan tiada sebarang gambar di dalam ruang ibadah khas tersebut yang mana dibimbangi boleh mengganggu kekhusyukan solat seseorang. Sabda Rasulullah;

*Maksudnya: "Sesungguhnya malaikat tidak akan memasuki rumah yang di dalamnya terdapat anjing dan gambar (patung)"*

(Hadis Riwayat Muslim).


Pihak pengurusan hotel juga perlulah memastikan setiap kemudahan atau fasiliti yang diberikan kepada pelanggan selari dengan syariah Islam. Antaranya seperti melanggan saluran informasi Islam yang sesuai untuk semua peringkat umur di dalam rancangan televisyen, memisahkan kemudahan kolam mandi, spa, gimnasium dan sebagainya di antara lelaki dan wanita untuk mengelakkan pergaulan bebas berlaku sesama mereka dan memperbanyakkan program berbentuk keilmuan Islam seperti tazkirah, ceramah dan kuliah (Baharudin, 2015).

## **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menggunakan pendekatan temubual bersemuka secara tidak formal. Menurut Baxter dan Babbie (2004), temubual adalah satu kaedah yang amat berguna jika penyelidik mahu mendengari fenomena ini secara langsung serta kaedah ini mempunyai kualiti tidak dapat dinafikan kerana mempunyai perkataan konkrit lebih dari satu dan dengan jelas lebih meyakinkan pembaca daripada halaman-halaman bernombor (Miles & Huberman, 1994). Kaedah temubual bersemuka ini dijalankan terhadap kakitangan-kakitangan di Hotel Adya Langkawi serta pelanggannya yang menjadi sampel kajian yang dipilih menggunakan pensampelan rangkaian atau bola salji. Instrumen dalam kajian ini dibentuk berdasarkan kajian-kajian lepas dan diubahsuai mengikut kesesuaian kajian serta mendapat pengesahan *validity* daripada pakar-pakar bidang berkaitan sebelum temubual dilakukan. Penganalisaan data ini menggunakan program perisian Nvivo 12 yang bertujuan untuk memperolehi gambaran keseluruhan kategori kajian bagi menjawab objektif yang dibentuk.

## Hasil Kajian Dan Perbincangan

Secara keseluruhan berdasarkan kepada temubual dan analisis dokumen yang dilakukan, analisis *tree nodes* di Rajah 1 menunjukkan antara pendekatan dakwah yang diaplikasikan oleh Hotel Adya Langkawi merangkumi tiga (3) pendekatan iaitu pendekatan melalui akhlak, perkhidmatan dan juga prasarana .



Rajah 1 Pelaksanaan Pendekatan Dakwah Bil Hal di Hotel Adya Langkawi

Pendekatan melalui akhlak yang ditonjolkan oleh kakitangan-kakitangan di hotel tersebut berdasarkan kepada analisis *tree nodes* yang dijalankan, Rajah 2 menunjukkan terdapat 13 sub tema akhlak yang ditonjolkan iaitu kemesraan layanan, mementingkan kebersihan, pakaian staf yang menutup aurat, sentiasa azan setiap solat fardhu, mempraktikkan doa setiap hari di waktu pagi, mengadakan kelas tahsin al-Quran, menggalakkan solat berjemaah, mewajibkan solat jumaat dalam kalangan staf lelaki, menggalakkan solat sunat dhuha bagi yang berkelapangan, sentiasa mengadakan takziah sebelum memulakan kerja dan mesyuarat serta ceramah, mengamalkan konsep bersyukur dalam kalangan staf serta memaafkan dan berbahasa dengan indah dengan pelanggan.

Manakala dalam pendekatan perkhidmatan yang dipraktikkan oleh hotel tersebut, analisis *tree nodes* di Rajah 3 menunjukkan terdapat 13 sub tema perkhidmatan yang disediakan oleh hotel itu iaitu penyediaan makanan dan hidangan yang halal, mewujudkan sistem jaminan halal, tiada alkohol dan minuman keras, sistem pengurusan kewangan yang patuh syariah, penyediaan kemudahan yang patuh syariah, mengadakan program keagamaan, tiada hiburan yang bertentangan dengan syariat, melanggan rancangan saluran informasi Islam, mewujudkan jawatan

Eksekutif Hal Ehwal Islam, potongan zakat pendapatan dan tabung haji di kalangan staf, bantuan fakir miskin dan program khidmat masyarakat.



Rajah 2 Pelaksanaan Pendekatan Akhlak di Hotel Adya Langkawi



Rajah 3 Pendekatan Perkhidmatan di Hotel Adya Langkawi

Terakhir dari aspek pendekatan prasarana yang disediakan oleh hotel berkenaan, analisis *tree nodes* di Rajah 4 menunjukkan prasarana-prasarana yang disediakan oleh hotel tersebut adalah menyediakan kenderaan untuk solat jumaat, kolam renang berasingan, surau, ruang ibadah yang khusus, tandas yang tidak menghadap kiblat, tempat berwuduk dan tandas diasingkan serta tiada gambar perhiasan yang ditegah oleh syariat.





Rajah 4 Pendekatan Prasarana di Hotel Adya Langkawi

Berdasarkan kepada hasil kajian sebelum ini dapatlah dibincangkan bahawa pelaksanaan pendekatan dakwah yang dipraktikkan oleh Hotel Adya, Langkawi menunjukkan hotel ini berkonsep patuh syariah hotel dimana menggunakan pendekatan melalui akhlak, perkhidmatan dan juga prasarana. Ini menunjukkan konsep dakwah yang dipraktikkan oleh pihak pengurusan hotel ini menggunakan metod yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW, sebagai contoh ketika Rasulullah S.A.W telah tiba di Madinah, pertamanya baginda telah mendirikan Masjid Quba (prasarana) dan memberi khidmat mempersaudarakan kaum Ansar dan Muhajirin. Dari situlah bermulanya baginda telah menunjukkan akhlak yang mulia kepada masyarakat di Madinah. Suri tauladan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w menjadi tunjang utama kejayaan dakwah baginda dan ini menjadi contoh kepada pendakwah agar menjadikan dakwah *bil hal* sebagai kaedah utama dalam berdakwah. Menurut Abdul Wahab Latif (2000), Rasulullah S.A.W telah menjadikan masjid sebagai tempat bagi menjalankan dakwah Islamiah kepada seluruh umat Islam. Sekiranya kita melihat peristiwa pembinaan masjid *Quba'* merupakan institusi Islam yang pertama di bina ketika Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad S.A.W berhijrah ke Madinah. Langkah ini merupakan strategi untuk mengembangkan Islam dan menyebarkan syiar Islam. Maka bermula daripada peristiwa tersebut yang menjadikan masjid sebagai tempat berdakwah, maka Nabi S.A.W telah berjaya mendirikan sebuah negara Islam di Kota Madinah yang terdiri daripada masyarakat Muslim dan bukan Muslim.

Hotel Adya Langkawi bukan sahaja mampu menjadi sebuah hotel patuh syariah, malahan elemen-elemen yang ditonjolkan oleh hotel tersebut dapat menyeru dakwah bil hal kepada pengurusan, staf dan juga pelanggan. Kesannya banyak membawa kebaikan kepada semuanya kerana bekerja bukan untuk tujuan dunia sahaja tetapi untuk saham ke akhirat juga. Seperti mana menurut Sifulazry Mokhtar, (2014) *dakwah bil hal* adalah aktiviti dakwah yang dilakukan melalui perbuatan nyata dengan berbagai macam bentuk kegiatan. Kesan positifnya dapat segera dirasakan, atau paling tidak hasil yang akan dicapai sudah tergambar dengan jelas. Ini kerana menurut (Noor Hafizah Haridi.et al,2016) dakwah *bi al-hal* itu bermaksud memanggil, menyeru dengan menggunakan keadaan, atau menyeru, mengajak dengan perbuatan nyata serta *dakwah bil hal* adalah amalan yang boleh mengangkat darjat dan kesejahteraan kelompok masyarakat (Faisal Ismail, 2013).

Daripada proses dan dapatan kajian ini, pengkaji telah membina satu model pendekatan dakwah yang diterapkan oleh Hotel Adya, Langkawi (Lihat Rajah 5) dan gabungan daripada dapatan daripada pendekatan dakwah hotel patuh syariah dalam menjawab objektif yang dikemukakan sebelum ini. Sumbangan kajian ini boleh memberi input kepada mana-mana hotel sebagai garis panduan kepada hotel lain dalam merealisasikan hotel-hotel lain kepada patuh syariah serta menjadi pemangkin kepada pemilik-pemilik hotel yang lain untuk menyampaikan mesej Islam di dalam bidang perhotelan. Dengan ada model ini juga dapat memberi informasi yang lebih lanjut kepada pelanggan-pelanggan sebelum menginap di hotel tersebut sekaligus memberikan kepuasan dan keselesaan kepada pengguna Muslim dan bukan Muslim. Pendekatan-pendekatan yang diamalkan oleh hotel ini seharusnya menjadi pemangkin kepada pemilik-pemilik hotel yang lain untuk menyampaikan mesej Islam di dalam bidang perhotelan.



Rajah 5 Model Pendekatan Dakwah Bil Hal di Hotel Adya, Langkawi

## Kesimpulan

Walaupun banyak hotel yang dibina di Malaysia namun secara umumnya hanya beberapa hotel yang bercirikan keislaman. Dalam hal ini, Hotel Adya Langkawi telah menggunakan perkhidmatan konsep hotel patuh syariah untuk meningkatkan pertambahan permintaan daripada dalam atau negara luar, sekaligus memberikan kepuasan dan keselesaan kepada pengguna Muslim dan bukan Muslim. Pendekatan-pendekatan yang diamalkan oleh hotel ini seharusnya menjadi pemangkin kepada pemilik-pemilik hotel yang lain untuk menyampaikan mesej Islam di dalam bidang perhotelan. Elemen hotel patuh syariah ini telah diterjemahkan dalam sumbangan kajian dengan membentuk model. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa intipati penemuan ini penting kepada para perancang dan penggubal dasar yang berkaitan dengan perhotelan sebagai garis panduan ciri-ciri hotel patuh syariah. Dengan adanya Hotel Patuh Syariah atau hotel yang bercirikan Islam dapat meningkatkan jumlah kedatangan pelancong dan permintaan juga semakin tinggi dan mempunyai masa hadapan yang cerah. Ia mampu untuk terus bersaing dalam pasaran global dengan perlu mengekalkan ciri-ciri keunikannya tersendiri. Sekurang-kurangnya hotel yang mempunyai ciri-ciri perkhidmatan yang sesuai dikunjungi oleh pelancong Muslim.

## Rujukan

- Abdurrahman 'Azam (1999), "Keagungan Nabi Muhammad s.a.w Kepahlawanan dan Keindahan Akhlak Rasulullah s.a.w", Darul Iman, Kuala Lumpur.
- Ahmad Ba Dahdah, Ali ibn Umar ibn, DR, 1419H, Muqawwamat al-Daiyah al-Najih, Cet. 3, Jedah: Dar al-Andalus Al-khadra :27
- Fathi Yakan (1994) Menuju Kepada Islam, Thinkers Library Sdn Bhd, Selangor

- Siti Undriyati (2015) Strategi Dakwah *Bil hal* di Masjid Jami' Asholikhin, Braingin, Ngaliyan  
ibn Jarir al-Tabari (1994) al-Sirah al-Nabawiyah Li Ibn Jarir al-Tabari, Kaherah, Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah).
- Suisyanto (2002), "Dakwah *Bil hal* (Suatu Upaya Menumbuhkan Kesadaran dan Mengembangkan Kemampuan Jamaah)", Jurnal Aplikasi Ilmu-Ilmu Agama, Vol III, No.2 Disember: 182-192
- Dr. Abdul Karem Zaidan, (2009) Dasar-Dasar Ilmu Dakwah, Jil. 2 Dewan Pustaka Fajar, Jakarta
- Munir Muhammad al-Ghadban, t.th, Manhaj Haraki Li Sirah, terj. Taib Azamuddin Mohd Taib, Pustaka Darussalam sdn.Bhd, Kedah
- Abdullah Muhammad Zin, (2006) An Analysis Of Contemporary Dakwah Approaches. International Dakwah Conference Singapore, Darul Arqam, Singapore)
- Ridwan (2014) Urgensi Dakwah *Bil hal* Dalam Membentuk Keluarga Islami Pada Masyarakat Gampong Tualang Teugoh
- Barghush 2005, 92, Abdul al-Aziz, Manhaj al-Dakwah Fi al-Mujtamak al-Mutaaddid al-Adyan Wa al-Ajnas, cet.1, IIUM, KL.
- Zikmal Fuad (2014) Pembangunan dakwah semasa, Bangi UKM
- Sifulazry bin Mokhtar, (2014) Strategi Pelaksanaan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan, UKM, Bangi
- Zikmal Fuad, (2011), Metodologi Dakwah Shaykh Muim al-Wahhab di Kalangan Masyarakat Besilam Langkat, UKM, Bangi
- Anwar Harjini SH. (1995) Indonesia Kita: Pemikiran Berwawasan Iman Islam, Gema Insani Press, Jakarta).
- Nicholas Sylvester (2008) Jom Berdakwah, JI Media, Kuala Lumpur
- Moh Ali Aziz (2004), "Ilmu Dakwah", Kencana, Jakarta
- Drs. Samsul Munir Amin (2009) Ilmu Dakwah, M.A Amzah, Jakarta
- Ab. Aziz B Mohd Zin (2005), "Peranan Dakwah Dalam Pembinaan Islam Hadhari di Malaysia", UM, Kuala Lumpur
- Aziz Mohd Zin (2006), "Dakwah Islam Di Malaysia", UM, Kuala Lumpur
- Samsul Munir Amin (2009), "Ilmu Dakwah", M.A Amzah, Jakarta
- Zikmal Fuad (2014), "Pembangunan dakwah semasa", Bangi UKM
- Dr Taufiq Yusuf al-Wa'i, (1990) al-Nisa al- Dai'yat Li al-Taba'ah Wa al-Nashr Wa al-Tanzil, Mansurah, Dar al-Wafa)
- Ridwan (2014), "Urgensi Dakwah *Bil hal* Dalam Membentuk Keluarga Islami Pada Masyarakat Gampong Tualang Teugoh", STAIN, Jakarta.
- Quraish Shihab, Pengembangan Dakwah Bil Hal Dalam Rangka Pemantapan Syiar Islam, Kertas Kerja Persidangan Ulama Negara Brunei, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura, Kuala Terengganu, 21-24 Julai 1992 hlm. 4)
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah@Tan Ai Pao, Fakhru Adabi Abdul Kadir (2014), "Metodologi Dakwah Islamiah PERKIM Kebangsaan kepada Saudara Kita Melalui Projek Ekonomi Pengupayaan Asnaf Muallaf: Koperasi Perkim Malaysia Berhad (KOPERKIM)", UKM, Bangi.
- Mahmud Ali Abd Halim, (1990) Fiqh al-Dakwah Ila Allah. Jil. 1 Mansurah Dar al-Wafa'
- Andi Bismulissa Abusan, (2012), Model Dakwah Bil Hal, temu bual 23 ogos oleh Saifulazry,
- Siti Undriyati (2015), "Strategi Dakwah *Bil hal* di Masjid Jami' Asholikhin Braingin Ngaliyan"

- Semarang, Jakarta  
Padzal bin Hj. Mokhtar (1997) Dakwah Di kalangan Masyarakat Orang Asli Negeri Terengganu, Ukm, Bangi  
Ruesch dan Kees (Knaap, M),(1972) Non Verbal Communication In Human Interactions. New york: Holt, Rinehart dan winston)107-119  
Alias Othman (1985) Pustaka Salam KL “Konsep Penguasaan Dalam Kehidupan Dakwah dan Pendakwah  
Faizal (2015),“Dakwah *Bil hal* dalam Perspektif al-Quran”Jurnal Ilmu Dakwah dan Perkembangan Komunitas, Vol.VIII, No. 2, Julai  
Mustafa Masyhur, t.t, Dakwah Fardiyyah, www. Dakwah. Info  
Menurut Mahmud (1991) Da’wah Bi al-Qudwah Hasanah wa Tabligh al-Dakwah Bi al-Sirah al-Hasanah dan juga Mahmud, Mahmud Ali Abd Halim (1991) al-Mar’ah al-Muslimah wa Fiqh al-Dakwah Ila Allah, Mansurah, Dar al-Wafa)  
M. Natsir,(1962),Fihud dakwah cet 8 solo:CV. Ramadhani. Hal. 230)  
Lewis, PV, (1975), Organizational Communication: The Essence of Effective Management. Colombus: OH Grid. Hall.151